



Rujukan kami : JKSP.600-1/3/1 (9)

Tarikh : 7 Januari 2015

16 Rabiul Awal 1436H

Semua pegawai dan kakitangan
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang

Yang Arif / & Tuan/ Puan,


**PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 1 TAHUN 2015
PELAKSANAAN GO GREEN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif/ tuan/puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu EKSA JKSNPP pada 24 Disember 2014 yang telah bersetuju dan memutuskan untuk melaksanakan amalan *Go Green* di Jabatan ini selari dengan salah satu elemen dalam penjenamaan semula pelaksanaan amalan 5S kepada EKSA dan keperluan surat pekeliling EKSA 2014 yang dikeluarkan oleh pihak MAMPU.

2. Bagi menunjukkan komitmen dan sokongan berterusan daripada pihak pengurusan atasan, dengan ini dikeluarkan Pekeliling Ketua Hakim Syarie berhubung garis panduan pelaksanaan *Go Green* EKSA di Jabatan:-

i. Penjimatan elektrik

- ✓ Tutup suis peralatan elektrik apabila tidak digunakan
- ✓ Kurangkan penggunaan printer dengan menghantar memo/ surat jemputan/ minit mesyuarat melalui emel (*Paperless Environment*)
- ✓ Kurangkan penggunaan lif
- ✓ Tetapkan suhu optimum penghawa dingin pada 24° *celcius* dan ke atas
- ✓ Tetapkan komputer masing-masing dalam keadaan *hibernate* selepas lima minit tidak aktif



ii. **Penjimatan Kertas**

- ✓ Cetak dokumen tidak rasmi atau draf menggunakan kertas terpakai
- ✓ Cetak dokumen dengan menggunakan kedua-dua bahagian depan dan belakang
- ✓ Cetak dokumen tidak rasmi secara pukal dalam satu kertas (contoh 4 mukasurat menggunakan 1 kertas)
- ✓ Simpan dokumen yang hendak dirujuk dalam bentuk 'soft copy'

iii. **Penjimatan Air**

- ✓ Pastikan paip air ditutup selepas digunakan
- ✓ Gunakan air yang perlahan untuk mengambil wudhu'
- ✓ Elakkan air mengalir sewaktu membasuh muka atau memberus gigi.

iv. **Kempen Bumi Hijau**

- ✓ Perbanyakkan penanaman pokok hidup di Jabatan
- ✓ Kurangkan penggunaan bag plastik
- ✓ Elakkan menggunakan polistren
- ✓ Sediakan sudut kitar semula untuk kertas, botol kaca dan plastik yang digunakan

3. Tujuan garis panduan ini disediakan adalah untuk memastikan hasrat ke arah pelaksanaan *Go Green EKSA di JKSNPP* tercapai melalui usaha dan komitmen berterusan daripada warga kerja JKSNPP khususnya.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta

Sekian, terima kasih.

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"
"SYARIAH ASAS Keadilan"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL WALID BIN HAJI ABU HASSAN)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

Negeri Pulau Pinang